# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 26 JUN 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | PEMBORONG 'GHAIB', LABU JADI RM1, LOKAL, HM -22<br>PRODUK M'DEE JADI TUMPUAN, SH -19<br>PENANG BEST CLASSIC WHITE KE PASARAN LUAR NEGARA, SH -19 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7. | MB: PERAK TO CREATE JOBS IN AGRICULTURAL SECTOR, NATION, THE STAR -16<br>STOK TERHAD PUNCA HARGA AYAM NAIK, NASIONAL, BH -16<br>PERLUAS AKTIVITI KOPERASI PERTANIAN, NASIONAL, SH -16<br>JUTAWAN SOS CILI, BISNES, HM -26 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/6/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

# Pemborong 'ghaib', labu jadi RM1

## *Fama Pahang buat promosi elak penanam labu manis di Pekan, Rompin alami kerugian*

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

**Kuantan**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang kini giat mengadakan promosi menjual labu manis dengan harga serendah RM1 sebiji di Pasar Segar Terkawal (PST) di Pahang.

Timbalan Pengarah Bahagian Operasinya, Shabuddin Mohd Nor berkata, usaha itu dilakukan bagi memastikan buah dibekalkan 80 pekebun di Pekan dan Rompin mendapat pasaran secara berterusan dengan jumlah banyak.

Menurutnya, hasil pertanian itu turut dihantar ke Fama Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka serta Selangor dan kini lebih 50 tan sudah diagihkan secara berperingkat sejak tiga minggu lalu.

"Fama negeri menerima lima hingga 10 tan labu dan jumlah berkenaan dijangka bertambah, sekali gus aktiviti penghantaran terus dilakukan apabila mendapat permintaan.

"Kami menjangkakan akan membeli lebih 300 tan labu manis hasil keluaran 80 pekebun di Pekan dan Rompin dan aktiviti belian setiap setiap minggu mula dilakukan 20 Mei lalu.

"Sebelum ini pekebun memasarkan hasil labu mereka kepada seorang pemborong utama namun disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyebabkan pasaran tidak dapat dilakukan," katanya di sini, semalam.



LABU manis turut dihantar ke Fama Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka serta Selangor.

Beliau berkata, pengeluaran labu manis di dua daerah berkenaan bertambah sekali hingga dua kali ganda pada musim kali ini dan faktor permintaan rendah menyebabkan pasaran kini agak perlahan.

Menurutnya, ini adalah kali pertama Fama membeli hasil petani terbabit.

"Kebanyakan pekebun yang mengusahakan tanaman labu itu adalah pesawah dan apabila selepas selesai musim menuai padi, mereka akan menanam labu di atas petak sawah.

"Aktiviti penanaman padi di dua daerah berkenaan dilakukan sekali setahun dan bagi memastikan lambakan labu tidak terus berlaku selepas ini, Fama mengambil keputusan menawarkan pekebun terbabit sebagai peserta ladang kontrak Fama.

> "Fama negeri menerima lima hingga 10 tan labu"
> Shabuddin

"Mereka yang berminat boleh menerima tawaran itu dan mendapat beberapa kemudahan seperti semua hasil labu mereka dibeli Fama mengikut harga lantai, pengangkutan dan khidmat nasihat termasuk penyusunan jadual penanaman setiap tahun disediakan untuk mereka," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2020 | SINAR HARIAN | | 19 |

# Produk M'Dee jadi tumpuan

## Kicap, sos dan pes masakan mendapat tempat di pasar raya terkenal

Bermula sekadar suka-suka dalam bidang masakan, akhirnya mengubah hidup seorang bekas pensyarah yang kini bergelar usahawan berjaya dengan mempunyai beberapa produk jenama sendiri.

Bermula dengan pati kicap char koay teow, Mohd Rosidi Abdul Rashid, 52, yakin peluang dalam perniagaan lebih memberi keuntungan dan produk yang dihasilkan akan mendapat permintaan.

Anak kelahiran Bukit Mertajam berkelulusan Sarjana dalam bidang Instruksi Multimedia, USM yang sebelum ini mengajar subjek Sains Komputer, tekad memilih untuk bersara pilihan bagi memberi tumpuan kepada perniagaannya yang ketika itu diusahakan di rumah tanpa bantuan mana-mana pihak.

"Saya memang minat berniaga dan pernah membuka gerai menjual burger. Ketika menjadi guru dan pensyarah saya berniaga char koay teow pada waktu malam kerana tidak mahu mensia-siakan peluang dan bakat memasak.

"Pada 2006 saya menghasilkan pati kicap char koay teow dan saya nampak produk ini boleh pergi jauh. Semakin hari produk ini mendapat permintaan dan saya mahu lebih serius menghasilkan jenama sendiri," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di kilang pengeluaran produknya yang terletak di Kompleks Perda Food Park, Taman Industri Asas Tani, Tasek Gelugor, Pulau Pinang baru-baru ini.



*Mohd Rosidi menunjukkan produk-produk keluaran M'Dee yang dihasilkan syarikatnya.*

Bermula dengan 500 botol pati kicap char koay teow dan memasarkan sendiri di kedai dan gerai perniagaan di sekitar negeri ini, kini produk di bawah syarikatnya MDEE Enterprise (M'Dee) menghasilkan lebih 6,000 botol sebulan bagi memenuhi permintaan pelanggan di seluruh negara.

Mengakui bukan mudah selepas menjejakkan kaki dalam dunia perniagaan, Mohd Rosidi pernah melalui pengalaman berdepan tindakan mahkamah apabila produknya didapati tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Namun ia tidak mematahkan semangatnya untuk teruskan perniagaan malah dugaan itu dianggap sebagai asam garam dan pengajaran untuk menambah baik kualiti produknya sekali gus memenuhi spesifikasi yang ditetapkan agar selamat digunakan.

Kini beliau turut mengeluarkan pati sos mi goreng mamak, perencah dan pes sambal tumis yang semuanya telah mendapat pengiktirafan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) selain sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada KKM.

Selain botol, produk keluaran M'Dee turut dikeluarkan dalam bentuk paket kecil untuk masakan bagi hidangan kecil. Ia boleh didapati di semua pasar raya Mydin, Sunshine dan rangkaian Agrobazaar K-Shoppe, Lesong Mart serta kedai runcit dan serbaneka di seluruh negara.

Sasaran pengeluaran dijangka meningkat apabila produk jenama M'Dee ini berada di Pasar Raya Besar Tesco seluruh Malaysia sedikit masa lagi.

"Produk kami juga dijual melalui medium e-dagang seperti Shopee, Lazada, Agrobazaar Online dan aplikasi MatJenin.my yang dibangunkan oleh usahawan tempatan untuk memasarkan produk tempatan," katanya.

Beliau berterima kasih kepada pihak agensi kerajaan yang menyokong dan membantu melalui khidmat nasihat, kursus, seminar mahupun bantuan geran termasuk Geran Change Upgrade Product (CUP) yang diberikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Amanah Rakyat (Mara), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) dan lain-lain agensi.

Untuk maklumat lanjut tentang produk syarikat MDEE Enterprise, pelanggan dialu-alukan melayari laman sosial di pautan *https://www.facebook.com/soscharkoayteow.meegorengmamak.* Mereka yang berminat untuk menjadi ejen boleh menghubungi talian **019-457 2268** atau **016-443 2630.**

# Penang Best Classic White Coffee ke pasaran luar negara

**PRODUK** kopi pra-campuran tempatan BertamBest Penang Best Classic White Coffee bukan lagi jenama asing bagi penggemar kopi di negara ini.

Produk keluaran syarikat BertamBest Sdn Bhd dimiliki oleh usahawan Bumiputera dari Pulau Pinang ini pastinya mempunyai cita rasa tersendiri namun setanding dengan jenama kopi terkenal lain di pasaran.

Walaupun terpaksa berdepan dengan saingan hebat dalam mengukuhkan jenama Penang Best Classic White Coffee, pemilik BertamBest, Mohd Zaki Zakaria, 55, mengakui perlu menjalankan beberapa kali proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memastikan produk yang dihasilkan berkualiti.

Menyedari minuman kopi semakin menjadi pilihan dan mempunyai peminatnya tersendiri, BertamBest mengeluarkan beberapa variasi kopi putih berperisa dan beraroma kacang hazel selain mengeluarkan kopi putih berperisa durian yang kini mendapat permintaan menggalakkan.

Bermula pada tahun 2006, lulusan Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat daripada Universiti Sains Malaysia (USM) ini bermula dengan mengeluarkan produk berasaskan susu kambing untuk pelanggan-pelanggan OEM dan mula mengeluarkan produk jenama sendiri iaitu BertamBest pada awal tahun 2016.

Kini BertamBest telah mempunyai sebanyak 16 SKU (jenis) iaitu pelbagai variasi produk kopi pra-campuran, susu kambing, koko pra-campuran dan teh.

"Alhamdulillah, selepas 14 tahun beroperasi, produk BertamBest boleh didapati di beberapa pasar raya besar seperti di rangkaian Sunshine di negeri ini. Produk kopi pra-campuran ini juga telah menembusi pasaran Singapura dengan penghantaran 30,000 pek setiap bulan sejak Januari tahun lalu," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di pejabatnya di Taman Bertam Permai, Pulau Pinang baru-baru ini.

Selain Singapura, produk BertamBest juga mendapat permintaan menggalakkan di Brunei dan bakal meneroka pasaran negara-negara lain seperti Filipina, Thailand, Bangladesh dan China.

BertamBest telah mendapat pengiktirafan halal daripada Jakim selain Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI). Syarikat itu kini dalam usaha meningkatkan lagi kualiti penarafan Standard HACCP sebagai komitmen BertamBest untuk menghasilkan produk yang selamat dan berkualiti tinggi.

Bagi Mohd Zaki, bantuan dan dorongan yang diberikan pelbagai agensi kerajaan termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) dan Matrade menjadikan jenama BertamBest lebih kukuh dalam meneruskan legasi perniagaan walaupun pada waktu ini banyak syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdepan saat getir termasuk gulung tikar akibat pandemik Koronavirus (Covid-19).



*Mohd Zaki bangga dengan kejayaan produk Penang Best Classic White Coffee keluaran syarikatnya.*

Walaupun turut terkesan, namun ujian berat itu tidak mematahkan semangatnya untuk kembali bangun dalam memastikan syarikatnya terus bertahan selain mahu kebajikan semua pekerja terbela.

Beliau mengatur strategi untuk terus mengembangkan jenama dan produk keluaran BertamBest dengan memasarkan produk melalui medium e-dagang seperti Shopee, Lazada, Agrobazaar Online, Ourshop dan Hayib.com bagi memudahkan pelanggan mendapatkan produk melalui pembelian dalam talian.

BertamBest turut menawarkan kepada mereka yang ingin mengeluarkan produk kopi, susu, koko mahupun teh pra-campuran jenama sendiri supaya menghubunginya untuk sesi perbincangan.

Bagi mereka yang berminat menjadi ejen jualan/pengedar produk BertamBest, sila hubungi talian **016-658 8058/019-617 0515** atau e-mail ke: *sales@bertambest.com.*

Ikuti *FB: Bertambest dan IG: bertambest atau laman sesawang www.bertambest.com* untuk mengetahui aktiviti BertamBest.

FAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2020 | THE STAR | NATION | 16 |

# MB: Perak to create jobs in agricultural sector

**IPOH:** Those who lost jobs during the movement control order (MCO) will be offered work in the agriculture sector, said Mentri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

He said the state planned to open up more land for agriculture as it could create jobs.

"About 2,000 Perakians lost their jobs during the MCO. Even before the pandemic began, we had planned to do more in the agriculture sector.

"During the MCO, I noticed how important it is to have food security. More plans will be drafted, including for urban farming in bigger cities like Ipoh, Taiping and Kampar," he told reporters at the state secretariat building here yesterday.

On another matter, he said the state government chose a Selangor-based company to manage solid waste in Perak based on its long experience.

He was responding to state Opposition leader Dr Abdul Aziz Bari's Facebook post that questioned the state government's decision to opt for the Selangor-based company without open tender.

"A state-owned company will be working with them," he said, adding that the company was chosen when Selangor was under Pakatan Harapan rule in 2019.

"I find it weird that the state Pakatan is questioning the decision when it was made last year when I was mentri besar.

"My friends in Pakatan should relook the decisions we made together before, including this one.

"The state Perikatan Nasional government is just continuing what they had started," he said, referring to Pakatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/6/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |

# Stok terhad punca harga ayam naik

**Putrajaya:** Harga ayam naik selepas pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan kerana bekalan terhad berikutan permintaan menguncup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selama lebih dua bulan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan permintaan menguncup kerana premis perniagaan, restoran, hotel dan majlis keraian tidak boleh beroperasi ketika tempoh pelaksanaan PKP.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata isu itu ialah kitaran bekalan yang bersifat sementara dan bekalan dijangka pulih tidak lama lagi.

Beliau berkata, KPDNHEP akan memantau keadaan berkenaan dan mengambil tindakan di bawah kuasa dan peruntukan akta diberikan jika perlu.

"KPDNHEP ingin menasihatkan semua pemain industri, pemborong dan peniaga agar bersikap adil dan tidak mengambil kesempatan dalam situasi sekarang," katanya dalam kenyataan semalam.

Alexander berkata, kelonggaran diberikan membolehkan semua sektor ekonomi beroperasi sepenuhnya, tidak patut dijadikan peluang untuk mengaut keuntungan secara tidak munasabah.

Katanya, orang ramai perlu menjadi pengguna bestari dengan memanfaatkan semua pilihan yang ada untuk berbelanja kerana masih ada premis menjual ayam harga berpatutan.

"Pengguna dinasihatkan membuat perbandingan harga ayam dan barang keperluan pengguna melalui aplikasi Price Catcher bagi mendapatkan harga dan premis yang terbaik sebelum berbelanja," katanya.

Beliau berkata, penguat kuasa KPDNHEP akan digerakkan di seluruh negara untuk memantau harga ayam bagi memastikan pengguna tidak terbeban dengan kenaikan. BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 16 |



Dr Wan Junaidi (dua dari kiri) melakukan lawatan kerja ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di Menara SKM semalam. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohammad Mentek (kiri).

# Perluas aktiviti koperasi pertanian

Atasi isu jaminan makanan dalam negara, kurangkan import

**KUALA LUMPUR**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mahu aktiviti koperasi diperluaskan, khususnya dalam bidang pertanian moden untuk mengatasi isu jaminan makanan dalam negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, aktiviti koperasi pada masa ini lebih kepada sektor perkhidmatan (86 peratus) dan perlu mempelbagaikan kepada aktiviti dalam sektor pertanian dan penghasilan makanan.

Katanya, langkah itu akan dapat menjamin keperluan bahan makanan untuk rakyat selain mengurangkan import makanan yang bernilai kira-kira RM10 bilion setahun.

"Pendedahan perlu diberikan kepada penggunaan teknologi baharu terutamanya kepada graduan kerana isu jaminan makanan banyak mengajar kita semasa pandemik Covid-19.

"Kita telah memenuhi keperluan makanan rakyat dan pada masa sama, kita juga membantu Singapura dengan memastikan sayur-sayuran dan telur mencukupi.

"Justeru, kita perlu lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan penyakit dan situasi seperti ini (Covid-19) pada masa akan datang," katanya kepada media pada sesi lawatan rasmi ke SKM di sini semalam.

Beliau berkata, selain bidang pertanian moden, aktiviti koperasi dalam bidang pembuatan dan perlombongan juga perlu diperluaskan.

Dalam pada itu, Wan Junaidi berharap pembangunan aktiviti koperasi akan lebih pesat selepas pindaan dibuat kepada Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) (Akta 502) pada tahun ini.

"Pindaan itu bukan sahaja akan melibatkan perkara semasa seperti pendigitalan, penggunaan teknologi baharu dan trend terkini termasuk mekanisasi dan automasi tetapi juga perlu mesra alam untuk mengurangkan jejak karbon dan impak kepada alam sekitar," katanya.

Sebagai organisasi sosial dan ekonomi terbesar di negara ini dengan keahlian kira-kira enam juta orang, katanya, koperasi bertanggungjawab untuk menggerakkan ekonomi negara dan menjadikan koperasi antara perusahaan sosial yang berjaya setanding dengan aktiviti koperasi di negara yang lebih maju.

Dalam perkembangan lain, Wan Junaidi berkata, pihaknya telah menarik balik dan membatalkan cadangan penggabungan SKM dan Institut Koperasi Malaysia yang pernah diutarakan oleh pentadbiran kerajaan sebelum ini.

"Sebaliknya, kita berhasrat untuk menjadikan institut ini lebih besar, dengan menukarkannya kepada kolej universiti," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/6/2020 | HARIAN METRO | BISNES | 26 |





# JUTAWAN SOS CILI

## Medac fokus tarik belia, graduan sertai pertanian moden berteknologi tinggi

Oleh Rosyahaida Abdullah
bisnes@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Pemerkasaan sektor pertanian antara tumpuan utama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) menjelang pasca-Covid-19 dalam usaha menyeimbangkan peratusan sektor keusahawanan yang diceburi di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, ketika ini, 86 peratus sektor keusahawanan terdiri daripada bidang perkhidmatan sementara selebihnya adalah pertanian, pembuatan, perlombongan dan lain-lain.

Katanya, jumlah itu perlu dilihat lebih serius khususnya dalam bidang pertanian ke arah usaha menambah hasil tani tempatan, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap produk import.

"Dalam hal ini, saya memfokuskan kepada usaha membawa belia dan graduan menyertai industri pertanian, (iaitu) pertanian moden berteknologi tinggi.

"Usaha ini dipelopori bersama Menteri Pengajian Tinggi serta Menteri Belia dan Sukan. Saya akan berbincang dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani supaya agenda ini dapat dijayakan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengambil contoh seorang belia di Sarawak yang berjaya menjana pendapatan lebih RM1 juta setahun, katanya, ia secara tidak langsung menunjukkan prospek yang menarik untuk diterokai usahawan muda.

> *Seorang graduan universiti berumur bawah 30 tahun di Sarawak, saya kira dia boleh gelarkan dirinya sebagai jutawan memandangkan dia kini memperoleh pendapatan lebih RM1 juta dalam masa hanya tiga tahun berkecimpung"*
>
> **Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar**

"Seorang graduan universiti berumur bawah 30 tahun di Sarawak, saya kira dia boleh gelarkan dirinya sebagai jutawan memandangkan dia kini memperoleh pendapatan lebih RM1 juta dalam masa hanya tiga tahun berkecimpung.

"Perusahaannya hanya tanam cili dan proses cili itu menjadi sos cili, dua jenis saja, sos cili biasa dan sos cili premium. Saya fikir jika dia perluaskan tanamannya, dia pasti akan lebih berjaya dan menyumbang kepada keperluan makanan negara," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan amanat kepada warga kerja Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam rangka lawatan kerja rasmi pertama sejak mengangkat sumpah dan menyandang jawatan menteri pada 10 Mac lalu.

Pada sidang media itu, beliau turut mengumumkan keputusan kerajaan menarik balik usaha penggabungan SKM dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) oleh menteri sebelum ini.

Jelasnya, keputusan itu dibuat berasaskan kepada hasrat memperkukuhkan peranan dan fungsi sedia ada kedua-dua organisasi termasuk dalam usaha menaik taraf IKM kepada status kolej universiti.

"Saya sudah berjumpa Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) pada minggu kedua menjadi menteri dan meminta supaya pelan menggabungkan SKM dan IKM dibatalkan.

"Ini kerana hasrat saya membina institut yang lebih besar dan kajian secara teknikal serta dalaman birokrasinya sudah dilaksanakan Ketua Setiausaha Kementerian (Datuk Seri Mohammad Mentek) sejak itu kerana ini senarai utama kementerian," katanya.